



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB KENAL PASTI INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH MARA YANG RENDAH CAPAIAN INTERNET UNTUK DINAIKTARAF

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (88)

KUALA LUMPUR, 30 Jun - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah mengenalpasti beberapa buah institusi pendidikan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang masih mempunyai capaian internet yang rendah.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, pihak pengurusan MARA akan mengambil tindakan susulan berkaitan isu capaian internet itu tidak lama lagi.

"Kalau ada 55 buah MRSM, IKM, Kolej Profesional MARA semua ada jaringan internet tapi ada tempat yang mempunyai jaringan internet yang rendah dan ada yang mempunyai jaringan internet yang tinggi.

Jadi tempat yang mempunyai jaringan internet yang rendah sudah dikenal pasti malah MARA pun sudah turut kenal pasti, kita nak naik taraf yang itu sahaja."

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis sambutan Hari Pendidik MARA 2022 di ibu negara, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri II KPLB, Datuk Hasbi Habibollah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB (Dasar), Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha

KPLB (Pembangunan), Mas Rizal Mohd Hilmi dan Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf.

Mahdzir sebelum ini berkata, kementeriannya bercadang meningkatkan capaian internet di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) menjelang pertengahan tahun hadapan.

Perkara itu jelas beliau, sudah dibincangkan bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) dan Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM) untuk bekerjasama dengan badan berkaitan kerajaan (GLC) bagi menjayakan program.

-Tamat -

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
30 JUN 2022**

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



kplb_gov



kplb_gov



KPLB_GOV Official